

[UTAMA \(/\)](#)
[MENGENAI KAMI \(/MENGENAI\\_KAMI-1\)](#)
[BAKAL PELAJAR \(/UPM/BAKAL\\_PELAJAR-10\)](#)  
[PELAJAR SEMASA \(/UPM/PELAJAR\\_SEMASA-11\)](#)
[STAF \(/UPM/STAF-13\)](#)
[ALUMNI \(/UPM/ALUMNI-14\)](#)  
[PETA LAMAN \(/SITEMAP\)](#)
[MAKLUMBALAS \(/MAKLUMBALAS\)](#)

Carian... 

BM

<http://www.upm.edu.my>

Selamat Datang Ke Laman Portal

**Universiti Putra Malaysia**<https://www.malaysia.gov.my/portal/index>

[AKADEMIK \(/akademik-15\)](#)
[PENYELIDIKAN \(/penyelidikan-3\)](#)
[JARINGAN \(/jaringan-16\)](#)
[ANTARABANGSA \(/antarabangsa-2\)](#)
[PERKHIDMATAN \(/perkhidmatan-19\)](#)  
[KEHIDUPAN KAMPUS \(/kehidupan\\_kampus-18\)](#)

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

[/](#) » [BERITA \(/BERITA\)](#) » Program SOAP pelajar Kolej 16 ke Thailand

Senarai Berita (/berita)

## Program SOAP pelajar Kolej 16 ke Thailand



Oleh Nurul Najwa

CHIANG MAI (Thailand), 2 Julai – Pelajar Kolej Enam Belas, Universiti Putra Malaysia (UPM) menjalankan *Society Awareness Program* (SOAP): *Smiles Of Lanna Land* di Chiang Mai dan Chiang Rai, Thailand untuk mendedahkan pelajar dengan warna warni kehidupan.

Ia adalah siri keenam program SOAP dan yang kedua ke luar negara selepas ke Kemboja pada 2019. SOAP kali ini memfokuskan kepada golongan kanak-kanak dengan membawa *tagline* *#smilesOfChiangMaiChiangRaikids*.

Pegawai pengiring program, Siti Mahsuri Talib berkata ia tidak tertumpu kepada satu kelompok masyarakat di satu penempatan sahaja tetapi turut memfokuskan pelbagai kelompok seperti masyarakat bukit, mualaf, muslim dan muslim Cina-Thai di sekitar Chiang Mai dan Chiang Rai.

Pengarah program, Melissa Zalia Safira Mamat @ Ali, berkata Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) UPM dan WAZAN turut menyumbang dana untuk program itu.

"Banyak pengalaman berharga diperoleh oleh kami sekali gus mencapai objektif penganjuran program dan berharap ia dapat dijalankan ke negara lain pula," katanya.

Penerokaan pelajar di bumi Thailand bermula dengan siri jelajah ke perkampungan masyarakat bukit, Doi Pui Hmong Village di Chiang Mai dan mereka mendekati kanak-kanak di sekitar kampung secara spontan untuk melengkapkan tugas yang diberikan.



### LIHAT JUGA



UPM sertai CAECW 2019 kukuh hubungan Malaysia - China (/berita/upm\_sertai\_caecw\_2019\_kukuh\_hubungan\_malaysia\_china-50569)



Pasukan sepak takraw UPM raih gangsa untuk negara (/berita/pasukan\_sepak\_takraw\_upm\_raih\_gangsa\_untuk\_negara-50459)



Program SOAP pelajar Kolej 16 ke Thailand (/berita/program\_soap\_pelajar\_kolej\_16\_ke\_thailand-50453)



Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
Selangor Darul Ehsan

+603-9769 1000

+603 8948 7273

marketing@upm.edu.my

(mailto:marketing@upm.edu.my)



Pelajar disambut baik untuk menjalankan aktiviti di kawasan sekolah iaitu *Choupoloung School* dan *Doi Pui Kindergarden*. Aktiviti bersama kanak-kanak turut diadakan di *Civilize Pittaya School* di Chiang Rai.

Ketika berkampung selama tiga hari di Muaf Centre Mae Chan yang menempatkan pelajar *Civilize Pittaya School*, pelajar UPM berpeluang mendekati kehidupan kanak-kanak dan menjalankan aktiviti bersama-sama kira-kira 160 orang kanak-kanak berusia lima hingga 19 tahun.

Perlawanan bola tampar juga diadakan selain aktiviti '*Kids and Calligraphy*', '*Fruit Collage*', '*Plant, Paint and Paste*' dan '*Flora and Fauna Bookmark DIY*'.

Pelajar Bachelor Pertanian (Akuakultur), Fakulti Pertanian, UPM, Muhammad Shahmi Sari berkata program itu adalah pengalaman baharu kepada dirinya yang pertama kali ke luar negara dan melihat kehidupan masyarakat Islam di Thailand.

"Kami tetap dapat berinteraksi dengan baik dengan kanak-kanak sepanjang menjalankan aktiviti walaupun sukar berkomunikasi kerana masyarakat di sini tidak boleh berkomunikasi dalam bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris," katanya.

Pelajar turut menyertai Majlis Pembukaan Masjid Huaisan di perkampungan masyarakat bukit yang terletak di Doi Chang, Chiang Rai yang mengambil masa tiga jam perjalanan menaiki kenderaan *pick up* untuk ke situ.

Pelajar menunaikan solat berjemaah di masjid itu bersama masyarakat di situ dan seorang muaf dari kampung berkenaan yang memeluk Islam di pagi itu.

Warga Thailand dan Ahli Jawatankuasa Yayasan Rahmatan lil Alamin, Ustaz Jalaludin Chikmuda berkata kebanyakan masyarakat di perkampungan itu bukan beragama Islam.

Pelajar UPM turut menjalankan aktiviti Eksplorasi Halal di Kad Ban Ho di Halal Street Hilal Town, Chiang Mai yang merupakan pasar pagi yang dibuka setiap Jumaat bermula jam 6 pagi.

Di pasar itu, kebanyakan yang dijual adalah makanan dan barangan masyarakat berdarah campuran Thai dan Cina yang berasal dari Yunnan. Antara makanan istimewa ialah Ji Tau Fen, bubur kacang soya pekat dengan kacang dan mie halus, kimchi Cina, lempeng jagung, lempeng pulut hitam, bawang dan cili goreng tepung.

Eksplorasi itu memberi peluang kepada pelajar mengenali budaya dan tradisi masyarakat campuran Thai dan Cina yang menetap di Chiang Mai sejak 80 tahun dahulu. Pelajar juga bersolat Jumaat di Masjid Hidayatul Islam Banhaw, berdekatan Kad Ban Ho.

Program SOAP: *Smiles of Lanna Land* dilengkapkan dengan lawatan sekitar Chiang Mai dan Chiang Rai. Di Chiang Mai, pelajar melawat Tha Phae Gate, yang merupakan sebahagian binaan kubu Chiang Mai Old City.

Manakala di Chiang Rai, pelajar melihat seni dan kreativiti masyarakat Thailand di Baandam Museum Black House, Wat Rong Khun White Temple dan Blue Temple serta melawat kawasan penanaman teh dan kopi di Doi Chang. - UPM

Tarikh Input: 22/07/2019 | Kemaskini: 22/07/2019 | hairul\_nizam

**PERKONGSIAN MEDIA**

(<https://www.addtoany.com/share?url=https%3A%2F>

[%2Fwww.upm.edu.my/berita/upm/program\\_soap\\_pelajar\\_kolej\\_16\\_ke\\_thailand-50453&title=Program%20SOAP%20Pelajar%20Kolej%2016%20Ke%20Thailand%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia](https://www.upm.edu.my/berita/upm/program_soap_pelajar_kolej_16_ke_thailand-50453&title=Program%20SOAP%20Pelajar%20Kolej%2016%20Ke%20Thailand%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)  
 (/#facebook) (/#twitter) (/#google\_plus) (/#linkedin)  
 (/#email) (/#copy\_link) (/#wordpress) (/#print)

**HUBUNGI KAMI**

Universiti Putra Malaysia  
 43400 UPM Serdang  
 Selangor Darul Ehsan  
 MALAYSIA

**PERKHIDMATAN DALAM TALIAN**

Sistem Permohonan ke Luar Negara  
 (<http://bursar1.upm.edu.my/spln/>)  
 Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN)  
 (<http://www.sisman.upm.edu.my/>)

**PAUTAN LUAR**

Kementerian Pendidikan Malaysia  
 (<http://www.moe.gov.my/>)  
 Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

**PAUTAN PANTAS**

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)  
 Statistik Transaksi Laman Web (<http://www.upm.edu.my/statistik>)  
 Tender & Kontrak



+603-9769 1000  
 +603 8948 7273  
 marketing@upm.edu.my

TALIAN  
 KECEMASAN  
 BAHAGIAN  
 KESELAMATAN  
 UPM (24 JAM)  
 03-9769 7990  
 03-9769 7470  
 03-9769 1999

KM Portal (<http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home>)  
 Jawatan Kosong (<http://spj.upm.edu.my/>)  
 Sistem Baik Pulih ICT (<http://zonict.upm.edu.my/>)  
 Putra Learning Hub (<http://learninghub.upm.edu.my/>)  
 Sistem Pengurusan Perubatan (<http://regmedic.upm.edu.my/>)  
 Sistem E-Claim (<http://eclaims.upm.edu.my/login/>)  
 i-GIMS (staf) (<http://www.sps.upm.edu.my:8080/gims/index.jsp>)  
 i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (<http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/>)  
 Sistem Maklumat Pelajar (pelajar pascasiswazah) (<http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup>)

(<http://www.ptptn.gov.my>)  
 Multimedia Super Corridor (<https://mdec.my/msc-malaysia/>)  
 Portal myGovernment (<https://www.malaysia.gov.my/en/home>)  
 Agensi Kelayakan Malaysia (<http://www.mqa.gov.my/>)

(<http://etender.upm.edu.my/>)  
 Laporan Piagam Pelanggan ([http://www.upm.edu.my/mengenal\\_kami/maklumat\\_korporat/piagam\\_pelanggan-8202](http://www.upm.edu.my/mengenal_kami/maklumat_korporat/piagam_pelanggan-8202))  
 Dasar UPM ([http://www.pnc.upm.edu.my/mengenal\\_kami/dasar\\_universiti-5601](http://www.pnc.upm.edu.my/mengenal_kami/dasar_universiti-5601))  
 Sistem Pengurusan ISO ([http://reg.upm.edu.my/spk\\_upm/](http://reg.upm.edu.my/spk_upm/))  
 Dana Wakaf Ilmu (<http://www.wazan.upm.edu.my>)  
 Penerbitan UPM ([http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan\\_UPM-29859](http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859))  
 Takwim UPM 2019 ([http://www.upm.edu.my/upload/dokumen/20190308094006TAKWIM\\_2019\\_1.pdf](http://www.upm.edu.my/upload/dokumen/20190308094006TAKWIM_2019_1.pdf))



Google Play (<https://play.google.com/store/apps/details?id=upm.mobile.v6>)  
 BERTANIKA Journal (<http://www.pertanika.upm.edu.my/>)  
 ARNING HUB (<http://www.learninghub.upm.edu.my/>)  
 UPM IIR (<http://www.psosir.upm.edu.my/>)  
 Student Portal SMP (<https://smp.upm.edu.my/>)  
 iGIMS Student (<http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/>)  
 e-claim (<http://eclaims.upm.edu.my/login/>)  
 e-ISO (<http://www.reg.upm.edu.my/eISO/>)  
 email@upm (<http://emel.upm.edu.my>)

BM

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

Dasar Privasi ([footnote/dasar\\_privasi-29949](footnote/dasar_privasi-29949)) Hakcipta (<footnote/hakcipta-29950>) RSS ([/rss](rss))  
 Penafian (<footnote/penafian-29938>) Bantuan (<footnote/bantuan-29937>)  
 UPM online ([footnote/upm\\_online-38695](footnote/upm_online-38695)) Dasar Keselamatan ([footnote/dasar\\_keselamatan-29939](footnote/dasar_keselamatan-29939))

© 2019 Universiti Putra Malaysia



LANGGAN MELALUI EMAIL  HANTAR